

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Lebih 5,000 jawatan kosong ditawarkan

Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022

Lebih 5,000 jawatan kosong ditawarkan

20 majikan terbabit inisiatif JKIP, PERKESO beri peluang kerja secara langsung

Oleh Mohamed Farid Noh dan Mahtazura Abd Malik
bhnews@bh.com

Pontian: Lebih 5,000 jawatan kosong ditawarkan oleh 20 majikan daripada pelbagai industri seluruh negara pada Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Peringkat Johor, di sini.

Karnival yang dilancarkan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, di sini, semalam, adalah kesinambungan inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia yang juga dilancarkan Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 19 Februari lalu.

Antara jawatan yang ditawarkan majikan yang menyertai program itu termasuk jurutera,

juruteknik, juruukur bahan, tukang masak, pengurus akaun dan pemasaran, kerani serta perantis.

Karnival berkenaan adalah usaha Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk membolehkan peluang pekerjaan ditawarkan secara langsung kepada orang ramai, khususnya di daerah ini dan kawasan sekitarnya. Selain itu, ia juga antara inisiatif di bawah Jamin Kerja - Inisitif Penggajian (JKIP), iaitu satu daripada tiga komponen dalam Jamin Kerja Keluarga Malaysia yang diumumkan dalam Belanjawan 2022.

Dengan peruntukan RM2 bilion, JKIP bermatlamat merangsang majikan mencipta pekerjaan dan membuat pengambilan pekerja baharu, membabitkan sasaran 300,000 pekerja sepanjang tahun ini.

Karnival itu menyediakan pelbagai perkhidmatan pekerjaan kepada pencari kerja, antara lain bantuan pendaftaran dalam Portal Pekerjaan Negara - MYFutureJobs, sesi kaunseling kerjaya, bantuan penyediaan resume dan sesi temu duga terbuka bersama majikan.

Majikan yang menawarkan peluang pekerjaan pula meliputi syarikat swasta dan sektor awam, termasuk agensi kerajaan seperti Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agenzia Nasional (LAKSANA), PERKESO serta HRD Corp.

Selain Pontian, karnival secara fizikal sepenuhnya itu turut diadakan di Johor Bahru pada 3 Mac lalu dan Mersing, kelmarin.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Menteri Besar Johor, Datuk Seri Hasni Mohammad; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dan Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Sementara itu, pengunjung

karnival berkenaan memuji keperihatinan PERKESO dan inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia membantu pencari pekerjaan dapatkan peluang kerjaya.

Rosmawati Rahmat, 48, bertemu kasih atas usaha berkenaan kerana membantu beliau memperoleh pekerjaan.

"Saya dibuang kerja pada April tahun lalu, Namun, PERKESO menerusi MYFutureJobs membantu saya mendapatkan pekerjaan selepas sebulan menganggur."

"Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia amat bermanfaat serta perlu diperluaskan lagi ke lebih banyak tempat bagi membantu penganggur dan graduan mendapatkan pekerjaan," katanya.

Graduan, Nur Ain Syafirah Hussin, 21, pula menyifatkan kehadirannya ke karnival di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, di sini, itu sebagai langkah kanan apabila mendapat tawaran untuk bekerja di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Iskandar Puteri.

"Saya ditawarkan pekerjaan sebagai pemandu *prime mover* dengan gaji RM1,200 sebulan, selepas pelbagai eluan dan latihan.

"Saya memang hendak bekerja di PTP sebab meminati sektor pelabuhan yang membabitkan banyak kapal dan lori.

"Saya mahu membuktikan bahawa wanita juga boleh bekerja dalam sektor ini," katanya yang tinggal Kampung Tenggayun, dekat sini.



Ismail Sabri beramah mesra bersama pencari pekerjaan dan majikan yang menyertai Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Pontian, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saal/BH)